

PPEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM

PERTANYAAN :
DARIPADA : **DATUK SERI HAJI AHMAD BIN
HAMZAH**
KAWASAN : **JASIN**
TARIKH : **27 MAC 2018**
NO. SOALAN : **13**

SOALAN

Datuk Seri Haji Ahmad Bin Hamzah [Jasin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan limpahan ekonomi yang dikatakan boleh dinikmati oleh rakyat ekoran daripada pembangunan kawasan industri di Kuantan dan kilang kaca di Jasin yang mana kedua-duanya milik pelabur PRC (China).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah pelaburan dari Republik Rakyat China (RRC) yang telah direalisasikan dalam sektor perkilangan sehingga 31 Disember 2017 adalah sebanyak RM13.2 bilion dan telah mewujudkan 32,527 peluang pekerjaan baharu dalam sektor-sektor seperti:

- (i) Produk Logam Asas;
- (ii) Elektronik & Produk Elektrik;
- (iii) Produk Mineral Bukan Logam;
- (iv) Produk Tekstil; dan
- (v) Produk Fabrikasi Logam.

2. Salah satu projek yang telah dilaksanakan adalah Xinyi Solar (M) Sdn. Bhd. yang telah membina kilang kaca di Lipat Kajang, Jasin, Melaka. Pelaburan ini telah menawarkan hampir 1,000 peluang pekerjaan serta menyumbang kepada pertumbuhan sektor pengeluaran kaca.

3. Bagi projek Taman Perindustrian Kuantan Malaysia-China (MCKIP), antara pelaburan syarikat RRC yang telah diluluskan di MCKIP ialah Alliance Steel (M) Sdn. Bhd. Kini, syarikat tersebut sedang membina sebuah kilang keluli yang moden

dan bersepadu. Pelaburan ini dijangka akan menjanakan 4,000 peluang pekerjaan untuk penduduk tempatan melalui Karnival Kerjaya Alliance Steel yang telah dianjurkan pada 12 Ogos 2017.

4. Antara matlamat Kerajaan menggalakan pengaliran masuk pelaburan asing termasuk dari negara China adalah untuk meningkatkan gunatenaga tempatan dan mengurangkan kadar pengangguran dalam negara. Dengan adanya projek-projek perkilangan dan infrastruktur yang baru, banyak peluang pekerjaan yang dapat diwujudkan untuk orang tempatan.

5. Selain daripada peluang pekerjaan baharu, pelaksanaan projek-projek pelaburan turut menawarkan peluang perniagaan baharu yang menyokong industri tempatan serta menyumbang kepada rangkaian bekalan. Sumber bekalan bahan mentah tempatan, perkhidmatan logistik, penyewaan gudang dan kilang, bekalan utiliti, air dan pembentungan adalah antara contoh limpahan peluang perniagaan yang wujud kepada industri tempatan yang terlibat dalam ekosistem rangkaian bekalan sesebuah projek pelaburan.

6. Di samping itu, pelabur-pelabur China juga akan membawa bersama teknologi dan sistem pengurusan moden serta tenaga profesional yang pakar dan produktif. Mereka akan melaksanakan pelbagai program untuk melatih tenaga

kerja tempatan demi mengembangkan pengetahuan kepakaran agar pekerja-pekerja tempatan dapat mengambilalih tugas mereka sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.